Suara dari Tanah Suci:

Khutbah Jumaat dari Masjidil Haram

Oleh: Faḍīlah Shaykh Abdullah Khiyāṭ

Imam Besar Masjidil Haram

Alhamdulillahi al-qa'il: shahru ramaḍāna alladhī unzila fīhī al-Qur'ānu hudan li al-nāsi wa bayyinātin mina al-hudā wa al-furqān. Wa ashhadu an lā ilāha illā Allāhu waḥdahu lā sharīka lah, wa ashhadu anna Sayyidana Muḥammadan 'abduhu wa rasūluhu, sayyidi al-thaqalayni min insi wa jān, Allāhumma ṣalli wa sallim 'alā 'abdika wa rasulika Muḥammad, wa 'alā ālihi wa ṣaḥbih.. ammā ba'd fa yā 'ibada Allāh, ittaqū Allāh!

(Terjemahan: Wahyu Qalam)

Wahai sekalian hamba Allah, takutilah kamu akan Allah!

Peluang keemasan… inilah dia peluang keemasan, dalam setahun ia datang hanya sekali sahaja, dalam 365 hari ia hanya menjelma 29 atau 30 hari sahaja. Itulah dia bulan Ramaḍān, bulan agung, bulan pujaan yang dibuka padanya pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka dan bulan yang dibelenggu iblis dan syaitan.

Bulan Ramaḍān adalah di antara bulan-bulan mulia yang ditunggu-tunggu ketibaannya oleh orang-orang Islam yang tebal rasa keimanannya. Kedatangan bulan ini sudah tentu mereka sambut, mereka alu-alukan dengan penuh perasaan riang gembira, kerana di sepanjang bulan Ramaḍān itulah mereka berpeluang mendapat banyak keuntungan yang tidak bermodal. Setiap gerak-geri yang dilakukan oleh orang-orang yang berpuasa – samada di dalam ibadah atau di luar ibadah – akan diberikan ganjaran pahala oleh Tuhan, sehinggakan tidur orang yang berpuasa itu pun diberi pahala.

Bulan Ramaḍān adalah dianggap bulan yang paling mulia sekali dari bulan-bulan yang lain, lantaran di dalam bulan inilah mula diturunkan kitab suci al-Qur'an al-Karim sebagai undang-undang seluruh umat Islam menjalani hidup di dua alam yang berasingan. Alam dunia dan alam akhirat. Firman Allah:

"*Shahru ramaḍāna alladhī unzila fīhī al-Qur'ānu hudan li al-nāsi wa bayyinātin mina al-hudā wa al-furqān.*" Ertinya: "Dalam bulan Ramaḍān ini diturunkan al-Qur'ān untuk jadi pertunjuk kepada sekalian manusia, daripada pertunjuk yang memperbezakan di antara yang salah dengan yang benar." [Surah al-Baqarah 185].

Di dalam bulan ini juga Allah memilih satu malam istimewa yang dinamakan malam "*Laylah al-Qadr*" di mana segala amal ibadah yang dikerjakan bertepatan dengan malam "*Laylah al-Qadr*" ini akan disamakan dengan pahala orang-orang yang beribadah selama seribu bulan. Pada malam yang istimewa ini juga diselamatkan seluruh penduduk dunia dari haru-hara dan bala bencana yang ngeri, dan menakutkan hingga ke waktu fajar menyinsing. Sebagaimana firman Allah di dalam surah al-Qadr keseluruhannya:

"*Innā anzalnāhu fī laylati al-qadr, wa mā adrāka mā laylatu al-qadr, laylatu al-qadri khairun min alfi shahr, tanazzalu al-malā'ikatu wa al-rūḥu fīhā bi idhni rabbihim min kulli amr, salāmun hiya ḥattā maṭla'i al-fajr*". Ertinya: "Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Qur'ān pada malam Qadar (*Laylah al-Qadr*), tahukah engkau apakah malam Qadar itu, malam Qadar itu lebih baik (beribadah padanya) daripada seribu bulan, turun malaikat dan Jibrīl pada pada malam itu dengan izin Allah supaya diaturnya tiap-tiap urusan, selamatlah malam itu hingga menyingsing fajar di waktu subuh".

Oleh yang demikian setiap orang Islam yang ingin mendapat keuntungan besar, janganlah ia lupa ataupun lalai mengerjakan amal ibadah di sepanjang malam di bulan Ramaḍān, lantaran di antara 30 malam yang terkandung di dalam bulan Ramaḍān itu, pasti akan muncul satu malam

ajaib, malam pujaan, malam mulia dan malam bahagia yang sentiasa ditunggu-tunggu, dinanti-nanti dengan penuh harapan oleh setiap umat Islam yang ingin mendapat keuntungan besar di malam berkat yang hanya datangnya setahun sekali itu, itu pun masa kedatangannya dirahsiakan oleh Tuhan agar supaya setiap umat Islam sentiasa tidak lalai dan selalu berhati-hati untuk mengawasi kedatangan malam yang mengandungi berkat dan malam yang membawa keuntungan besar bagi setiap umat Islam yang mengerjakan amal ibadah padanya.

[Kalau kita kira seribu bulan dijadikan tahun, sama dengan 83 tahun 4 bulan. Bererti kalau amal ibadah kita diterima pada malam itu, sama dengan kita telah mengerjakan amal ibadah selama 83 tahun 4 bulan. Kalau umur kita sebanyak itu – tetapi kalau umur kita kurang dari itu, maka kita sudah mendapat keuntungan yang lebih pula – P].

Sidang Jumaat yang mulia!

Oleh itu dengan ketibaan bulan Ramaḍān yang mulia ini, janganlah kita melepaskan peluang yang keemasan ini dibiarkan berlalu dengan begitu sahaja. Ramaḍān datang adalah membawa keuntungan besar bagi umat Islam. Kalau sekiranya keuntungan itu mahu kita cari, mahu kita rebut dan mahu kita usahakan untuk mendapatkannya, carilah, rebutlah dan usahakanlah dengan memperlipatgandakan kebajikan di sepanjang bulan Ramaḍān ini! Janganlah bulan yang mulia ini kita jadikan satu bulan untuk memenuhkan perut di waktu malam. Janganlah dijadikan bulan ini sebagai satu bulan membazir dengan mengeluarkan perbelanjaan yang lebih dari biasa untuk digunakan membeli makanan yang sedap cita dengan tidak memikirkan nasib jiran tetangga yang hidup menderita tetapi jadikanlah bulan ini bulan rahmat, bulan ihsan, bulan bertaubat dan bulan bertakwa. Firman Allah di dalam al-Qur'ān surah al-A'rāf ayat 56:

"Inna raḥmata Allāhi qarībun mina al-muḥsinīn." Ertinya: "Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat bagi orang-orang yang berbuat kebajikan".

Beberapa banyak kita jumpai orang-orang yang kasar tabiatnya, liar hatinya dan tidak mempunyai belas kasihan terhadap sesama manusia, bertukar menjadi seorang yang bersifat lemah lembut, bersopan santun dan bertimbang rasa selepas daripada mereka mengerjakan amalan puasa ini, seseorang boleh mengatasi segala sifat-sifat keburukan yang ada tertanam di dalam jiwanya, diganti dengan sifat-sifat kebaikan yang selaras dengan tabiat perikemanusiaan.

Oleh itu – wahai *ikhwān al-Muslimīn*! Janganlah kamu melupai akan rahmat dan fadilat-fadilat yang dibawa oleh bulan Ramaḍān yang semuanya itu mendatangkan faedah dan manfaat yang besar kepada orang-orang Islam di dalam lapangan hidup di alam dunia dan lebih-lebih lagi di alam akhirat. Bulan Ramaḍān adalah bulan menuai, menuai hasil yang berlipat-ganda, menuai keampunan dan keredaan yang dikurniakan khas oleh Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā* terhadap orang-orang yang menunaikan ibadah puasa. Bulan menukar sifat seseorang daripada jahat menjadi baik dan daripada hina menjadi mulia.

Oleh yang demikian, di sepanjang bulan yang mulia ini perbanyakkanlah membaca istighfar dan bertaubat serta memohon keampunan ke hadrat Allah daripada segala dosa yang telah dilakukan di sepanjang tahun, Allah telah memberikan jaminan kepada sesiapa juga di antara hamba-hambanya yang memohon keampunan dan bertaubat dengan hati yang jujur ikhlas, nescaya permohonannya itu pasti akan dikabulkan-Nya serta diberikan pula dengan pembalasan-pembalasan yang wajar dengan sifat-sifat hamba-hamba-Nya yang telah dibersihkan daripada dosa. Pembalasan-pembalasan yang akan dikurniakan kepada mereka itu tidak lain daripada nikmat syurga yang kekal abadi. Hanya hamba-hamba yang telah dibersihkan daripada dosa itulah sahaja yang layak tinggal menetap di syurga yang begitu indah dan mulia. Jaminan Tuhan ini ada tercatit di dalam lembaran al-Qur'an al-Karim surah Āli 'Imrān ayat (135):

"Wa alladhīna idhā fa'alū fāḥishatan aw ẓalamū anfusahum dhakarū Allāha fa istaghfarū li dhunūbihim, wa man yaghfiru al-dhunūba illā Allāh, wa lam yuṣirru 'alā mā fa'alū wa hum ya'lamūn. Ulā'ika jazā'uhum maghfiratun min rabbihim wa jannātun tajrī min taḥtiha al-anhāru khālidīna fīhā, wa ni'ma ajru al-'amīlin". Ertinya: "Mereka itu apabila berbuat kejahatan atau menganiaya dirinya, lekas mereka ingat akan Allah. Mereka terus meminta ampun akan dosanya, tiada siapa yang mengampunkan dosanya, seseorang itu melainkan Allah mereka itu tidak mengekali akan perbuatannya sedang mereka mengetahui. Balasan perbuatan mereka itu ialah mendapat keampunan dari Tuhan mereka dan dimasukkan ke dalam syurga yang di bawahnya mengalir air-air sungai, serta kekal mereka di dalamnya, dan ini adalah

sebaik-baik pembalas bagi orang-orang yang sebaik-sebaik pembalasan bagi orang-orang yang[1] beramal (soleh)".

Sidang Jumaat yang mulia.

Kita sebagai orang-orang Islam, seyogialah menjadikan semua bulan di sepanjang tahun, sebagai bulan-bulan membersihkan diri yang dihiasi dengan sifat-sifat takwa, amalan soleh, tegas pendirian dalam menunaikan perintah-perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya, manakala tiba bulan Ramaḍān, maka kita dengan mudah dapat memperlipatgandakan amal ibadah terhadap Tuhan untuk mencari keuntungan pahala yang lebih besar yang peluangnya hanya terbuka pada bulan Ramaḍān sahaja melalui satu malam istimewa, malam agung, malam berkat yang dinamakan "*Laylah al-Qadr*", di mana orang-orang yang beribadah pada malam itu disamakan ganjaran pahalanya dengan orang-orang yang beribadah selama seribu bulan iaitu 83 tahun 4 bulan, sebagaimana yang telah dijanjikan Allah dengan firman-Nya di dalam surah al-Qadr (yang telah lalu keterangannya – P).

Oleh yang demikian menjelang tibanya bulan Ramaḍān, kita wajiblah jangan meninggalkan ibadah di dalam bulan-bulan yang lain. Kerana setiap orang yang melalaikan ibadahnya di sepanjang tahun, ia tidak akan diberi peluang untuk mendapat keuntungan besar yang akan diberi peluang untuk mendapat keuntungan besar yang akan diturunkan Tuhan hanya satu malam sahaja di sepanjang bulan Ramaḍān.

Dari sekarang juga marilah kita berjanji dengan diri kita sendiri untuk mengubah tabiat dan memperbaiki sikap kita. Kalau dahulunya hidup kita dihayun oleh gelombang kelalaian hawa nafsu, maka dengan ketibaan bulan Ramaḍān yang mulia ini hendaklah kita memperbaiki segala kesalahan-kesalahan yang telah pernah kita lakukan pada masa-masa yang lalu. Jadikanlah bulan ini bulan mengubah sikap, bulan keinsafan dan bulan penyesalan. Dengan tidak kita sedari setahun demi setahun umur kita bertambah singkat, sebulan demi sebulan ajal kita semakin dekat, sehari demi sehari tenaga kita semakin lemah dan sedetik demi sedetik perjalanan urat nadi kita semakin perlahan. Akhirnya sampailah masa kita dipindahkan ke alam *baqā'* untuk menghadapi beberapa ujian besar di alam barzakh menjelang tibanya *Yawm al-Ḥisāb* atau Hari Perhitungan untuk mengetahui nasib seseorang sama ada ia daripada ahli syurga ataupun daripada ahli neraka. Allah berfirman di dalam surah al-Ḥāqqah dari ayat 19 hingga ayat 37:

"Fa ammā man ūtiya kitābahū bi yamīnihī fa yaqūlu hā'umu iqrā'u kitābiyah, innī ẓanantu mulāqin[2] ḥisābiyah, fa huwa fī 'īshatin rāḍiyah, fī jannatin 'āliyah, quṭūfuhā dāniyah, kulū wa ishrabū hanī'an bi mā aslaftum fī al-ayyāmi al-khāliyah, wa ammā man ūtiya kitābahū bi shimālihī fa yaqūlu yā laytanī lam ūta kitābiyah, wa lam adri mā ḥisābiyah, yā laytahā kānati al-qaḍiyah, ma aghnā 'anni māliyah, halaka 'annī sulṭāniyah, khudhūhu fa ghullāh, thumma al-jaḥīma ṣallūh, thumma fī silsilatin dhar'uhā sab'ūna dhirā'an fa uslukūh, innahū kāna lā yu'minu billāhi al-'aẓīm, wa lā yahuḍḍu 'alā ṭa'āmi al-miskīn, fa laysa lahu al-yawma hāhunā hamīm, wa lā ṭa'āmun illā min ghislīn lā ya'kuluhū illā al-khāṭi'ūn."

Maksudnya: "Adapun orang yang diunjukkan buku amalannya dari sebelah kanan, lalu ia berkata: 'Ambillah buku saya dan bacalah! Saya menyangka (dengan penuh keyakinan) bahawa saya menemui perhitungan saya (dengan sebenarnya)', maka adalah ia di dalam penghidupan yang diredai-Nya, iaitu syurga yang tinggi, buah-buahannya rendah (senang dicapai), lalu dikatakan kepadanya: 'Makan dan minumlah kamu dengan berlazat-lazatan disebabkan amalan (baik) yang telah kamu kerjakan di masa yang lalu (semasa kamu hidup di dunia)'. Adapun orang yang diunjukkan buku amalannya dari sebelah kirinya, lalu ia berkata: 'Aduhai kiranya janganlah hendaknya diunjukkan buku amalanku ini! Dan aku tidak mengetahui apakah perhitunganku? Hai kiranya cukuplah mati yang dahulu itu untuk memutuskan hidupku (tiada akan hidup kembali di alam dunia), sekarang tidak berfaedah lagi harta bendaku, dan telah hilang daripadaku kekuasaan', peganglah orang itu (hai penjaga neraka) dan belenggulah dia! Kemudian masukkanlah dia ke dalam Neraka *Jaḥīm*, kemudian masukkanlah dia ke dalam (lingkaran) rantai yang panjangnya tujuh puluh hasta, sesungguhnya ia pada masa dahulu tidak beriman kepada Tuhan yang Maha Besar, dan tiada menyuruh memberi makan orang miskin, sebab itu tidak ada baginya hari ini di sini (di dalam neraka) kaum kerabat (yang boleh menolongnya melepaskan diri dari azab Tuhan), dan tiada pula makanan selain dari pemandian, tiadalah yang memakan kotoran itu, melainkan orang yang bersalah (berdosa)."

[1] Pengulangan ayat di baris sebelumnya.

[2] Perkataan sebenar ialah *ẓanantu 'annī mulāqin*.

Khutbah Jumaat . . .

Wahai *ikhwān al-Muslimīn*!

Takutilah kamu akan Allah! Sambutlah kedatangan bulan Ramaḍān ini dengan memperlipatgandakan amal kebajikan dan ibadah, kerana Ramaḍān adalah bulan pembersihan segala dosa, bulan pemeliharaan daripada maksiat, bulan pembaharuan azam dan cita-cita dan seterusnya bulan yang membawa keuntungan besar kepada orang-orang Islam yang tekun mengikuti pertunjuk-pertunjuk Tuhan jadikanlah bulan yang mulia ini. Sebagai contoh buat kamu melanda lapangan hidup di sepanjang tahun. Segala kesalahan-kesalahan yang telah kamu lakukan di masa-masa yang lampau, jadikanlah ingatan dan ibrah buat kamu memasuki lapangan hidup baru di masa-masa yang ke hadapan. Hanya mereka yang selalu mengingati akan kesalahan-kesalahan di masa yang lampau itu sahajalah yang akan mendapat pengajaran untuk dijadikan panduan hidup menghadapi zaman baru.

A'ūdhu billāhi mina al-shayṭāni al-rajīm

"Tabāraka alladhī ja'ala fī al-samā'i burūjan wa ja'ala fīhā sirājan wa qamaran munīrā, wa huwa alladhī ja'ala al-layla wa al-nahāra khilfatan li man arāda an yadhdhakkara aw arāda shukūran, wa 'ibādu al-raḥmāni alladhīna yamshūna 'alā al-arḍi hawnan, wa idhā khāṭabahumu al-jāhilūna qalū salāmā, wa alladhīna yabītūna li rabbihim sujjadan wa qiyāmā, wa alladhīna yaqūlūna rabbanā asrif 'annā 'adhāba jahannam, inna 'adhābaha kāna gharāmā, innahā sā'at mustaqarran wa muqāmā, wa alladhīna idhā anfaqū lam yusrifū wa lam yaqturū wa kāna bayna dālika qawāmā." Maksudnya: "Maha Berkat Allah yang telah menjadikan bintang-bintang di langit dan menjadikan pelita (matahari) dan dan bulan yang bercahaya. Dia yang menjadikan malam dan siang berganti-ganti untuk ke tangan bagi orang-orang yang hendak mendapat peringatan atau bagi orang yang mahu bersyukur kepada-Nya. Hamba-hamba Allah (yang soleh) ialah orang-orang yang berjalan di muka bumi dengan tenang (tidak bermegah-megah, bongkak dan sombong) dan jika mereka dicela (dikata nista) oleh orang-orang yang jahil, maka mereka berkata: 'selamat', dan orang-orang yang pada malam hari mereka sujud kepada Tuhan mereka serta mengerjakan ibadah (sembahyang), dan orang-orang yang berdoa dengan mengatakan: "Wahai Tuhan kami! Hindarkanlah daripada kami seksa Neraka *Jahannam*, sesungguhnya seksa neraka itu adalah kebinasaan yang kekal, sesungguhnya neraka itu seburuk-buruk tempat ketetapan dan tempat tinggal, dan orang-orang yang membelanjakan harta bendanya dengan tidak berlebihan dan tidak pula bakhil (kedekut), melainkan dengan cara-cara pertengahan antara keduanya". [Surah al-Furqān dari ayat 61 hingga ayat 67].

Nafa'anī Allāhu wa iyyākum bi hudā kitābih, aqūlu qawlī hādhā wa astgahfiru Allāha al-'aẓīmi lī wa lakum, wa li sā'iri al-muslimīna min dhanbin fa astaghfirūhu innahu huwa al-ghafūru al-raḥīm.

Disedut, diterjemah daripada:

Akhbar *al-'Ālam al-Islāmī.*



Gambar Makam Ibrāhīm dengan bangunan barunya.